



JABATAN HAL EHWAL AKADEMIK  
Academic Affairs Department  
*Collegiality • Communication • Teamwork • Respect*  
Universiti Utara Malaysia

## KONVO 2024: SEMAKAN NAMA BAGI TUJUAN CETAKAN IJAZAH DAN TRANSKRIP GRADUAN

Universiti Utara Malaysia ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan yang akan menaiki pentas dalam Majlis Konvokesyen Ke-37 yang akan berlangsung pada 10 hingga 14 November 2024.

Untuk tujuan cetakan ijazah dan transkrip, semua graduan berkenaan boleh membuat semakan ejaan nama penuh di portal masing-masing mulai sekarang. Sebarang pembetulan nama perlu dikemukakan kepada Unit Pengijazahan HEA melalui [konvo@uum.edu.my](mailto:konvo@uum.edu.my) beserta salinan kad pengenalan/passport **selewat-lewatnya pada 29 Ogos 2024 (Khamis)**. Maklumat berkenaan dianggap sah sekiranya Unit Pengijazahan HEA tidak menerima sebarang maklum balas selepas tarikh berkenaan.

Sebarang pembetulan nama selepas tarikh berkenaan akan melibatkan implikasi kewangan, dan graduan terbabit perlu menanggung kos berkenaan.

Selain itu, pelajar aktif dan masih meneruskan pengajian, boleh mengemas kini ejaan nama penuh dengan mengemukakan emel kepada [ug\\_kemasukan@uum.edu.my](mailto:ug_kemasukan@uum.edu.my) beserta dengan salinan kad pengenalan/passport.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi Unit Pengijazahan di talian 04-928 3307/3319/3320.

Sekian, terima kasih.